



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**09 Jamadilawal 1443 / 14 Disember 2021**

- I. Pada hari ini, Selasa 09 Jamadilawal 1443H bersamaan 14 Disember 2021M, sebanyak **satu kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 15,363 orang**.
  - i. **Tidak ada tambahan kes baru kepada kluster-kluster aktif yang sedia ada dan tidak ada kluster baru** telah dikenalpasti pada hari ini.
  - ii. Sebagaimana yang tertera di skrin sekarang, **5 kluster telah ditutup** setelah tidak ada kes dikesan di dalam kluster berkenaan selama 28 hari. Oleh yang demikian, jumlah kluster yang aktif adalah **92 kluster**.

(Skrin: Kluster Medait Enterprise staff house Jangsak, Kluster Kg Menengah staff house, Kluster I3232, Kluster Tumasek Construction Project dan Kluster Astal Engineering staff house).

- iii. Manakala, terdapat **satu kes baru yang masih dalam siasatan bagi mengenalpasti sumber jangkitan.**
2. **18 kes telah disahkan sembuh** pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada **15,027 kes** manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak **236 kes.**
  3. Di kalangan kes-kes yang sedang ada dalam rawatan sekarang, **satu (01) kes adalah dalam Kategori 5** yang sedang dirawat di Unit Rawatan Intensif dan memerlukan bantuan mesin pernafasan (*artificial ventilation*) serta bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)*. Sementara itu, **tidak ada kes yang dikategorikan dalam Kategori 4.**
  4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **4,455** sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **669,888** ujian.
  5. Pada **13 Disember 2021**, sebanyak **3,827** orang telah menerima suntikan vaksin COVID-19 termasuk **3,007** orang di kalangan remaja berumur 12-17 tahun. Dengan itu, jumlah orang yang menerima satu dos vaksin COVID-19 ialah **405,092 orang iaitu 94.2%** daripada jumlah penduduk negara. Manakala **385,414** orang

telah melengkapkan dua dos vaksin COVID-19 iaitu **89.6%** daripada jumlah penduduk negara.

6. Sementara itu, bermula hari Rabu, 15 Disember 2021, waktu beroperasi bagi pusat-pusat vaksinasi diubah seperti berikut:

i. **Pusat Vaksinasi Stadium Tertutup** - dari jam 8:00 pagi hingga 12:00 tengah hari dan dari jam 2:00 petang hingga 5:00 petang pada hari Isnin hingga Khamis, Sabtu dan Ahad; dan dari jam 2:30 hingga 5:00 petang pada hari Jumaat.

ii. **Pusat Vaksinasi *Learning Development Centre*, Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait** - dari jam 8:00 pagi hingga 12:00 tengah hari dan dari jam 2:00 petang hingga 5:00 petang pada hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu.

7. Bagi Operasi Peralihan yang dijalankan dari jam 10 malam hingga 4 pagi tadi, **sebanyak 9 pelanggaran arahan** telah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara di mana **8 daripadanya** adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.

8. Marilah kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala atas segala nikmat yang telah dikurniakan Nya. Semoga Negara Brunei Darussalam terus terpelihara dan terselamat dari penyakit khususnya wabak COVID-19 dan semoga rakyat dan penduduk di

negara ini sentiasa dirahmati dan dilindungi Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

Sekian, terima kasih.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 09 Jamadilawal 1443H / 14 Disember 2021